

Headline	Nafi dakwaan harga harumanis RM10 sekilogram		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	42	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,192



Jabatan Pertanian negeri menafikan dakwaan ada pengusaha ladang harumanis di bawah seliaannya menjual buah terbabit serendah RM10 sekilogram seperti yang tular di media sosial, Facebook.

Pengarahnya, Zulkefli Amin Mat Jusoh berkata, penjualan harumanis lebih rendah daripada harga siling secara tidak langsung meletakkan pengusaha dan peniaga harumanis mengalami kerugian yang teruk.

Menurutnya, agak mustahil harga harumanis gred premium sekilogram serendah RM10 seperti dilaporkan sebuah akhbar tabloid, semalam.

"Kami tidak menafikan pada Ramadan, penjualan harumanis menurun memandangkan ia bukanlah menu utama berbanding buah-buahan lain.

"Bagaimanapun, meletakkan harganya serendah RM10 sekilogram tindakan kurang bijak kerana harga kos sekilogram bagi buah itu lebih tinggi," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Menurut Zulkefli Amin, pengusaha harumanis di bawah seliaan jabatan itu sudah diingatkan mengenai kesan kerugian yang bakal dialami jika harga jualan lebih rendah daripada harga pengeluaran.

Malah katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membeli harumanis daripada pengusaha harumanis pada harga lebih tinggi.

"FAMA membeli harumanis premium dengan harga RM13 daripada pengusaha dan menjualnya mengikut harga pasaran semasa selepas mengambil kira kos upah pekerja dan kos lain.

"Namun, tidak dinafikan ada segelintir masyarakat negeri ini menanam harumanis dan menjualnya dengan harga begitu murah serendah RM15, tapi pihak kami tidak dapat menjamin kualiti yang dijual kepada pelanggan mengikut standard Jabatan Pertanian," katanya.

Menurutnya, setakat ini pihaknya menjual harumanis di Ladang Kecemerlangan Harumanis Bukit Bintang dengan harga RM20 ke RM30 sekilogram mengikut gred berbanding RM35 sebelum Ramadan.

Dalam pada itu, Zulkefli Amin turut membidas laporan mengenai penjualan buah terbabit semurah RM8 hingga RM13 sekilogram.

"Harga di bawah RM10 secara tidak langsung menjejaskan peluang pengusaha menjual RM20 di luar negeri Perlis.

"RM20 harga munasabah untuk dijual selepas diambil kira kos pengangkutan dan upah pekerja selain risiko buah rosak sewaktu penghantaran," katanya.